



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWK
@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL NEGERI MELAKA**

**PUSAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA MELAKA
14 OGOS 2023 (ISNIN) / 10.15 pagi**

Kemas kini 13 Ogos 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Negeri Melaka.**
2. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka, wakil-wakil

Kerajaan Persekutuan, badan-badan korporat, persatuan majikan dan sekerja, badan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat Negeri Melaka yang turut hadir pada pagi ini.

3. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini **menunjukkan solidariti, sokongan** serta **kebersamaan dalam menyokong agenda kesejahteraan masyarakat bagi mencapai persekitaran yang selamat dan kondusif untuk semua.**

LATAR BELAKANG

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

4. Isu gangguan seksual bukanlah sesuatu yang baharu. Oleh itu, kita perlu sentiasa menambahbaik undang-undang semasa agar sesuai dengan peredaran masa. Kini, gangguan seksual bukan sahaja berlaku secara fizikal tetapi juga atas talian atau online.

5. Walaupun masalah ini bukan perkara yang mudah untuk ditangani, adalah sangat penting dan mustahak untuk kita menguar-uarkan dan teruskan perbincangan **isu gangguan seksual serta isu jenayah intip dan hendap atau 'stalking'**.

6. Salah satu cabaran dalam menangani gangguan seksual ialah apabila terdapat sesetengah pelaku mungkin menganggap tindakan mereka sebagai jenaka yang tidak berbahaya atau salah faham. **Ingin saya tekankan di sini, seharusnya tiada ruang langsung diberikan kepada**

gangguan seksual, sama ada secara terang-terangan atau jenaka.

7. Kesan kepada **mangsa atau** istilah yang lebih tepat, **pemandiri gangguan seksual**, tidak terhad pada gangguan mental sahaja. Ianya juga boleh mendorong jenayah seksual yang lebih serius dan kesannya terhadap pemandiri adalah sangat negatif, termasuk trauma dan ketakutan yang berpanjangan.

8. Menurut statistik yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan meningkat dari **378 kes pada 2020 dan seterusnya meningkat kepada 506 kes pada 2021**. Walau bagaimanapun, terdapat **sedikit penurunan pada tahun 2022 iaitu kepada 477 kes**. Jumlah kes yang dilaporkan ini adalah melibatkan kedua-dua jantina, lelaki dan wanita.
9. Namun, majoriti pemandiri adalah kaum wanita iaitu sebanyak **354 kes pada tahun 2020, 446 kes pada tahun 2021 dan 416 kes pada tahun 2022**. Statistik ini menunjukkan

bahawa setiap tahun lebih **90 peratus** daripada kes **gangguan seksual** adalah melibatkan pemandiri di kalangan **kaum wanita**.

10. Bagi negeri Melaka sendiri, pada tahun 2022, **terdapat 21 kes gangguan seksual** dan **kesemua jumlah tersebut adalah melibatkan gangguan seksual terhadap kaum wanita**.
11. Selain itu, kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak juga adalah membimbangkan iaitu berjumlah **35 kes pada tahun 2022 di seluruh negara**. Bagi negeri Melaka pula,

jumlah kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak adalah 2 kes.

12. Statistik ini menunjukkan bahawa gangguan seksual boleh terjadi di mana – mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah kepada **golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak.**
13. Maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada ibu bapa, guru-guru, jiran tetangga serta seluruh lapisan

masyarakat untuk memainkan peranan melindungi mereka ini daripada dieksploitasi dan menjadi pemandiri gangguan seksual.

14. Ibu bapa juga harus lebih peka mendengar dan berani bertindak dalam menangani kes gangguan seksual kanak-kanak. Ibu bapa wajar memberi pendidikan seksual kepada anak-anak sejak kecil lagi dan mendidik mereka agar dapat membezakan antara sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat. Wujudkan persekitaran yang mana anak-anak bebas bersuara dan berkongsi pengalaman harian mereka.

15. Dengan cara ini, ibu bapa dapat mengesan jika berlaku sesuatu yang mencurigakan atau perubahan pada perilaku anak-anak.

16. Oleh itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menggubal **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]**, sebagai suatu Akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual.

17. Akta ini diharap dapat membantu pemandiri untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan dapat diambil dengan sewajarnya dan remedi dapat diberikan kepada pemandiri.

18. **Penguatkuasaan Akta** ini telah dilaksanakan **secara berperingkat mulai 28 Mac 2023** yang melibatkan takrifan gangguan seksual dan elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

(B) PELAKSANAAN PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM
@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

19. Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual ini diharapkan agar dapat mencapai objektif seperti berikut: -
- (i) **Memberikan pendedahan** dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual;

- (ii) **Menyebarkan pemakaian garis panduan** dan notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat;

- (iii) **Menyampaikan maklumat** berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWKM terutama dalam menangani gangguan seksual; dan

(iv) **Menjalinkan kolaborasi strategik** dengan semua pihak bagi meningkatkan pencegahan dan kesedaran gangguan seksual.

20. Program ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran, pendidikan mengenai gangguan seksual agar **budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan**. Inisiatif yang boleh dilakukan termasuk menyediakan platform latihan untuk pekerja sosial dan sukarelawan, serta **meningkatkan pengetahuan pekerja di tempat kerja tentang**

tindakan yang perlu diambil jika ada aduan gangguan seksual.

21. Di samping itu, pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual ini juga adalah **selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023** yang turut mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja.

22. Justeru, KPWKM telah membangunkan **notis antigangguan seksual** yang boleh dimuat turun melalui Kod QR dan laman web Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk dipaparkan di setiap organisasi termasuk premis awam dan swasta.
23. Selain itu, Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual juga bertujuan untuk menguar-uarkan penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui pelbagai aktiviti dan reruai pameran yang disediakan.

24. Antara jabatan dan agensi di bawah Kementerian yang terlibat adalah Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Institut Sosial Malaysia, Lembaga Kaunseling Negara, dan Yayasan Kebajikan Negara.

25. Turut bersama dengan KPWKM pada hari ini adalah rakan strategik Kementerian seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Melaka, Perbadanan

Perpustakaan Awam Negeri Melaka, Kumpulan Wang Simpanan Nasional (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Bantuan Guaman, Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan lain-lain lagi.

26. Selain itu, terdapat juga gerai-gerai jualan produk-produk daripada usahawan-usahawan wanita di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, Yayasan Kebajikan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

27. Di kesempatan ini, saya juga memohon kepada hadirin sekalian untuk berkongsi maklumat mengenai Advokasi Antigangguan Seksual kepada keluarga, sanak saudara serta rakan-rakan sebagai usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat di dalam komuniti kita.

(C) HARAPAN

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

28. Saya berharap dengan kebersamaan **agensi Kerajaan, sektor korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta seluruh masyarakat untuk untuk bekerjasama** agar kes gangguan seksual akan dapat dibendung dan sekaligus **menyediakan persekitaran yang selamat kepada bukan sahaja wanita malahan lelaki jua termasuk kanak-kanak dan setiap lapisan masyarakat.**

29. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Melaka negeri penuh budaya,

Khazanah bangsa tinggi nilainya,
Gangguan seksual sangat bahaya,
Membawa mudarat besar kesannya.

30. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Negeri Melaka.**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
14 Ogos 2023